

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]**

**SOALAN NO. 398**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini tentang penyambungan ke grid utama untuk 19 buah Sekolah Kebangsaan di Saratok yang masih mengguna pakai sistem genset, walaupun terletak betul-betul berdekatan dengan sistem elektrik grid utama.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Senarai sekolah-sekolah di Saratok yang telah disampaikan peruntukan bagi tujuan penyambungan ke grid utama adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Nama Sekolah</b> | <b>Anggaran Kos (RM)</b> | <b>Jarak Dari Talian Grid (<i>meter</i>)</b> |
|-------------|---------------------|--------------------------|--|
| 1.          | SK Ulu Sebetan      | 283,820.80               | 200  |
| 2.          | SK Ng Grenjang      | 300,320.80               | 200  |
| 3.          | SK Kabo Hilir       | 289,735.90               | 100  |
| 4.          | SK Ulu Budu         | 302,603.80               | 200  |
| 5.          | SK Supok            | 291,500.00               | 200  |
| 6.          | SK Ulu Awik         | 284,858.50               | 200  |
| 7.          | SK Lempa            | 280,490.00               | 20   |
| 8.          | SK Lubok Nibong     | 353,877.40               | 200  |
| 9.          | SK Perpat           | 324,740.00               | 10   |
| 10.         | SK Ulu Kabo         | 335,130.00               | 500  |
| 11.         | SK Mudong           | 321,270.00               | 30   |

Sekolah-sekolah di atas akan disambung ke talian grid awam di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Sarawak dengan anggaran peruntukan sebanyak RM50 juta.

Sambungan talian grid di sekolah-sekolah tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat bermula pada Ogos 2019 sehingga Disember 2020. Kerja-kerja penyambungan talian grid tersebut akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui agensi Kerajaan Negeri Sarawak, iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB).